

# Umpama Menatang Minyak Yang Penuh, Skrr Sambut Pelancaran Jom Ke Sekolah



Labuan,

17 Februari 2020 – Peribahasa tersebut amat sesuai dikaitkan dengan program Jom ke Sekolah yang telah dilancarkan pada 17 Februari 2020 (Isnin) serentak seluruh Malaysia. Program ‘Jom Ke Sekolah” yang direncanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) bertujuan untuk menangani masalah disiplin pelajar dan salahlaku jenayah bermula diperingkat akar umbi.

Kehadiran Pegawai Polis yang juga Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) SK Ranca-Ranca iaitu ASP Sukvinderjeet Singh A/L Chanan Singh yang turut menyampaikan perutusan ketua polis negara sempena program

'Jom Ke Sekolah' peringkat kebangsaan tahun 2020. Antara isi perutusan tersebut adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM) berharap agar komuniti sekolah dan pihak yang berkaitan dapat bekerjasama untuk terus membimbing generasi muda, agar mereka tidak mudah terpesong, dan sebaliknya menjadi modal insan yang cemerlang dan disanjung tinggi.

Majlis turut dihadiri Yang Dipertua (YDP) Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Dr Mohammad Hamim bin Mohamad Hanifah dan Naib YDP PIBG Hasan @ Hassan bin Jinin, pegawai angkat sekolah, Zaliha binti Mohd Salleh yang turut terlibat melakukan simbolik pelancaran program 'Jom Ke Sekolah' bersama-sama pentadbir sekolah, Guru Besar, Norinnie binti Kassim, PK Pentadbiran, Midah binti Yusop, PK Ko-kurikulum, Zulkipli Pabin, PK HEM, Shawal Abd Rahman, PK KPKP, Rodhy Edward Anak Edward Jalin. Simbolik pelancaran yang menarik dengan menampilkan murid yang berpakaian lengkap seperti seorang pegawai polis sebagai simbolik kemenjadian murid SKK SKRR.



NORINNIE (tengah) SUKVINDERJEET (empat kiri) dan HAMIM (empat kanan) bergambar kenangan pada papan kenyataan PPS.

Norinnie turut membacakan perutusan Menteri Pendidikan Malaysia turut menegaskan bahawa kerjasama antara KPM dengan PDRM melalui PPS sentiasa diperkasakan untuk menjadikan sekolah sebagai kawasan selamat dan ceria kepada semua murid. Pihak KPM mengharapkan bukan sahaja murid dapat menikmati rasa selamat apabila berada di sekolah tetapi warga sekolah, ibu bapa dan semua pihak yang berkepentingan turut merasai perasaan tersebut setiap kali berada di kawasan sekolah.

Hamim

berharap agar program ini memberi impak positif kepada murid-murid dan turut mengingatkan mereka agar sentiasa menjaga kebersihan diri dan persekitaran untuk mengelakkan penularan Covid-19 dan gejala-gejala

lain.

Majlis diakhiri dengan merasmikan papan kenyataan PPS yang ditandatangani oleh ASP Sukvinderjeet Singh. Program yang dikelolakan oleh penyelaras Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK), Faizurah binti Karim dan Lembaga Disiplin Sekolah di bawah seliaan pengurusan HEM berharap program yang melibatkan jalinan antara KPM – PDRM dan PIBG sekolah akan lebih memberi impak terhadap kehadiran murid ke sekolah dan seterusnya dapat meningkatkan lagi kemenjadian murid dari segi sahsiah, kokurikulum dan khususnya kurikulum.



Murid fokus mendengar keputusan ketua polis negara yang disampaikan oleh pegawai perhubungan sekolah.

---

**“SEDERAP MELANGKAH”**





**Labuan, 16 Februari**– Program Motivasi Kecemerlangan UPSR 2020 yang bertemakan “Sederap Melangkah” berbaki hanya 7 bulan sahaja lagi sebelum menduduki UPSR sebenar. Pelbagai usaha dilakukan untuk membantu para calon UPSR 2020 menghadapi situasi peperiksaan. Perasmian program disempurnakan oleh Guru Besar SK Pekan Satu Puan Anita Shyamini A/P S. Azman dan diisi dengan ceramah motivasi yang bertajuk “Ibu Bapa Terbaik, Anak Hebat” yang disampaikan oleh Pengurus Buddies Training And Consultant Cik Emy binti Othman.

Turut hadir ialah Penolong Pengarah Unit Sekolah Rendah JPWPL merangkap pengawai Angkat SKPS Haji Yunus bin Haji Yussof, Penolong Pengarah Unit Pendidikan Swasta Sektor Pengurusan Sekolah JPWPL, merangkap NYDP PIBG SKPS Puan Zaliha binti Mohd Salleh,

PK Pentadbiran SKPS Encik Airol Azmi bin Abd Gani, PK HEM SKPS Puan Normah Binti Rahimi, PK Kokurikulum SKPS Encik Esmat bin Amat, PK PPKI SKPS Encik Mohd Faisal bin Haji Moin, dua orang anggota tertinggi PIBG, 30 orang guru, 134 orang murid dan 120 orang ibu bapa.

Objektif utama program ini ialah bertujuan meningkatkan keyakinan murid-murid dalam menghadapi situasi pembelajaran khususnya UPSR yang bakal diduduki oleh murid-murid tahun 6. Selain itu, program ini salah satu usaha guru-guru tahun 6 bagi menerapkan nilai-nilai murni dalam membina pembelajaran yang berkualiti.



Peserta motivasi tekun mendengar ceramah motivasi yang disampaikan oleh penceramah.

Dalam ucapan, Puan Anita Shyamini mengucapkan jutaan terima kasih kepada para jemputan terutama ibubapa penjaga murid dan semua yang terlibat dalam Program Motivasi Kecemerlangan UPSR 2020.

Bagi pengetahuan semua, keputusan UPSR pada tahun 2019 meningkat berbanding UPSR tahun 2018 dan ianya menjadi pemangkin semangat kepada guru-guru untuk berusaha memperbanyakkan lagi program sebegini bagi mempersiapkan diri murid-murid tahun 6 menghadapi UPSR lebih awal.

“Saya juga berharap agar semua ibu bapa khususnya ibu bapa tahun 6 memberi kerjasama yang jitu kepada guru-guru SKPS bagi melaksanakan pelbagai program untuk murid-murid tahun 6 ini kerana tanpa komitmen semua pihak maka objektif sesuatu program tidak akan tercapai” tambah beliau lagi.

Motivasi yang bertajuk “Ibu Bapa Terbaik, Anak Hebat”, Cik Emy menekankan tentang kesedaran kepada ibu bapa akan kepentingan kerjasama 3 hala iaitu guru, ibu bapa dan murid. Kegigihan serta kesungguhan ahli jawatankuasa melaksanakan program ini memperlihatkan usaha guru-guru mempersiapkan minda dan fizikal para calon sebagai pahlawan yang berentap dalam peperiksaan UPSR sebenar yang bakal menjelang. “Ibubapa hendaklah sentiasa memastikan anak-anak menghormati guru-guru khususnya, agar ilmu yang diperolehi akan diberkati dan dengan keredhaan seorang guru menjadi tunggak utama murid-murid mencapai kejayaan kelak” tambah beliau lagi.

Secara konklusinya, penyelaras program iaitu Puan Norsharina binti Nordin menyatakan dengan adanya program seumpama ini akan menjadi pemangkin serta wadah kejayaan murid-murid SKPS malah sebagai tunggak kecemerlangan

prestasi akademik SKPS. “Pencapaian terbaik murid dalam akademik merupakan cerminan kepada kecemerlangan guru yang hebat dalam mengadaptasikan segala ilmu pengetahuan sekaligus memperlihatkan komitmen yang tinggi dalam kalangan guru-guru Tahun 6 SKPS terhadap kepentingan calon-calon UPSR SKPS mencapai kegemilangan di dalam bidang akademik” tambah beliau lagi.



Ibu bapa yang hadir memeriahkan program Motivasi Kecemerlangan UPSR 2020.

---

## **Pelancaran Kempen Jom Ke Sekolah 2020**





Labuan, 17 Februari- Program Pelancaran Kempen Jom Ke Sekolah 2020 SK Pekan Satu yang melibatkan semua warga SKPS diadakan di Dewan C.U.N. Program ini selaras dengan saranan Kementerian Pendidikan Malaysia bahawa kehadiran murid ke sekolah harus diberi perhatian sepanjang tahun ini kerana peratus kehadiran murid ke sekolah merupakan satu kriteria penting dalam menentukan kecemerlangan sekolah. Perasmian majlis disempurnakan oleh Pegawai Cawangan Khas IPD W.P. Labuan merangkap Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) SK Pekan Satu (SKPS) Asp. Mohd Sudirman Bin Abu.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah Pegawai Cawangan Hal Ehwal Awam IPD W.P. Labuan merangkap Penolong PPS SKPS Sjn. Stia Ak Mapan, Penolong Pengarah Unit Sekolah Rendah JPWPL merangkap pegawai Angkat SKPS Haji Yunus bin Haji Yussof, Guru Besar SKPS Puan Anita Shyamini A/P S. Azman, Yang Dipertua (YDP) PIBG SKPS Encik Azrul Rizhan bin Abd Rahman, PK HEM SKPS Puan Normah Binti Rahimi, PK Kokurikulum SKPS Encik Esmi bin Amat, PK PPKI SKPS Encik Mohd Faisal bin Haji Moin, AJK Biro Kewangan Pibg Encik Yassin bin Tawih dan 85 orang guru.

Dalam ucapannya, Puan Anita Shyamini mengucapkan terima

kasih dan syabas kepada hadirin dan AJK program kerana dapat melaksanakannya dengan cemerlang. Beliau memetik ucapan Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia YB Teo Ni Ching “Program sebegini mampu menjalinkan kerjasama yang mantap diantara pihak sekolah dan PPS yang mana ianya dapat mewujudkan disiplin murid yang lebih terkawal selaras dengan konsep sekolah selamat dan amalan guru penyayang”.



Tetamu-tetamu kehormat berkesempatan bersama guru-guru dalam program guru penyayang di pintu sekolah menyambut kedatangan murid.

Asp. Mohd Sudirman amat teruja dengan kerjasama yang diberikan oleh pihak sekolah terhadap PSS. Beliau berkesempatan menyampaikan perutusan daripada Ketua Polis Negara “KPM, PDRM dan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan telah menerbitkan Buku Panduan Pegawai

Perhubungan Sekolah (BPPPS) sebagai garis panduan kepada PSS dan semua pihak yang berkaitan dalam melaksanakan program atau aktiviti yang telah ditetapkan”.

Penyelaras program, Puan Hjh Jamayah Binti Mohid melahirkan rasa kesyukuran dan terima kasih kepada semua terutama kepada guru-guru yang mengawal keadaan murid bagi melancarkan program ini. Tambahnya lagi, berharap agar mesej yang disampaikan semasa program Jom Ke Sekolah 2020 dapat dihayati oleh murid-murid sepenuhnya.



Suasana murid-murid di Dewan C.U.N dalam keadaan yang terkawal.

---

## **Delegasi Guru SK. Pekan II Mencaknai Aspirasi Pendidikan**





**Labuan, 17 Feb 2020** – Seramai 14 orang delegasi guru dari SK. Pekan II, WP. Labuan telah menghadiri Majlis Amanat dan Aspirasi Tahun Baharu 2020 bertempat di Dewan Sekolah Antarabangsa Labuan (LIS), 15 Februari lalu, yang telah dihadiri oleh 500 orang warga pendidikan Labuan.

Majlis telah dirasmikan oleh YB Datuk Rozman Bin Datuk Hj. Isli, Ahli Parlimen Labuan.

Dalam amanat beliau, Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Cikgu Raisin Bin Saidin menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada warga pendidikan, sekolah, ibu bapa dan komuniti telah berjaya memartabatkan pendidikan serta kemenjadian murid-murid dalam akademik dan kokurikulum sehingga mencapai peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Beliau berharap momentum kecemerlangan ini diteruskan lagi pada tahun 2020 selaras dengan roh guru yang seharusnya mampu mengubah tingkahlaku murid dan menerima manfaat daripada tugas dan tanggungjawab guru tersebut.

Beliau seterusnya menerangkan tentang “Wawasan Kemakmuran Bersama 2030” yakni untuk melahirkan modal insan yang kalis masa depan. Antaranya adalah strategi transformasi



modal insan yang fokus kepada penyediaan halatuju sumber tenaga yang lebih produktif, efektif, berkemahiran, berteknologi dan bernilai tinggi. Bagi tahun 2020, fokus Jabatan akan lebih tertumpu ke arah 'Merealisasikan Kemakmuran Bersama Melalui Pendidikan'. Ini bermakna semua murid mesti berupaya bersaing dengan jayanya dalam kehidupan mereka.



Duta Guru SK. Pekan II cikgu Nadia (depan sekali sebelah kiri) dan warga pendidik SK Pekan II

Persediaan dan kesedaran dalam kalangan murid-murid, guru dan komuniti melalui program Ziarah Cakna yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan murid-murid, sekolah dan ibubapa adalah merupakan platform terbaik demi merealisasikan dan membina rangka intervensi yang bersesuaian.

Sehubungan itu pelibatan komuniti hendaklah dipertingkatkan untuk faedah anak-anak. Selaras dengan itu penekanan terhadap penguasaan mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu perlu diberi perhatian yang serius oleh semua guru memandangkan

subjek ini wajib lulus termasuk Sejarah pada 2021.

Beliau juga mengingatkan kepada semua guru yakni “Jika sudah memilih profesyen guru sebagai kerjaya maka bekerjalah sebagai tanda kesyukuran kepada Tuhan dengan memastikan kemenjadian anak-anak murid dan sentiasa menyayangi mereka”.

Pada akhir ucapannya beliau mengucapkan selamat bertugas kepada semua guru dan menyeru supaya berusaha menjulung nama Labuan dalam bidang pendidikan.

**Berita Oleh : SK Pekan Dua**

---

## **Komitmen Ibubapa Menerusi Pibg Membantu Dalam Pembangunan Dan Kemenjadian Murid SK Sungai Lada**



Labuan, 16 Februari 2020 – Melahirkan generasi untuk kemenjadian murid melalui ucapan Pengarah Pendidikan Cikgu Raisin Bin Saidin adalah sejajar dengan hasrat

Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan sasaran Sekolah Kebangsaan Sungai Lada W.P Labuan. Mesyuarat PIBG berlangsung pada 16 Februari 2020 (Ahad) bertempat di Dewan Sri Kedayan telah dirasmikan oleh Cikgu Raisin Bin Saidin Pengarah Pendidikan W.P Labuan dengan begitu meriah sekali dan disambut dengan kehadiran ibubapa dan guru yang banyak memberikan komitmen atas semua program sekolah dan pibg.



Raisin (tengah), Abd Rauf (kiri), Maidan Dali (kanan), Siroja, Norlihan, Syarifah (NYDP) dan AJK PIBG Seramai 242 orang ibu bapa dan guru hadir pada mesyuarat tersebut. Turut hadir YDP PIBG En Abd Rauf Bin Lang Pasih , En Maidan Dali @ Sumardi Bin Yusoff Guru besar, Encik Jevareeani A/L Samigano pegawai angkat sekolah, Pn Siroja Rahimin GPKP, Pn Noorlihan Binti Abdul Alip GPKHEM, Ustaz Abd Kahar Bin Abdul Rahim GPKO, barisan AJK PIBG dan guru-guru Sekolah Kebangsaan Sungai Lada.

Sementara itu, pada mesyuarat kali ini juga Cikgu Raisin telah menyampaikan insentif SSPN sebanyak RM500 setiap orang kepada 3 orang murid cemerlang UPSR iaitu adik Nurul Maisara Bin Maidan Dali @ Sumardi (6A), Ros Anis Adawiyah Binti Roslimeh (6A) dan adik Nur Atiqah Zaheerah Binti Abd Isa (5A1B). Insentif ini adalah sumbangan



daripada PIBG untuk murid yang cemerlang UPSR. Peningkatan UPSR Sekolah Kebangsaan Sungai Lada juga telah berjaya meningkatkan peratus lulus minimum sebanyak 11% daripada 52%(2018) kepada 63% (2019) dan peningkatan keputusan PAJSK semua gred A.



Mesyuarat Agung PIBG Kali ke -28

Selain itu, pada tahun 2019 juga Sekolah Kebangsaan Sungai Lada telah berjaya meraih anugerah HEM dalam kategori Pengurusan disiplin Cemerlang bertaraf lima bintang peringkat kebangsaan tahun 2019 lalu. Mesyuarat PIBG diteruskan selepas perasmian dan mesyuarat berjalan dengan lancar.

Majlis yang berlangsung ini juga diselitkan dengan ceramah khas daripada bank angkat sekolah Public Bank, ceramah kesihatan dari jabatan kesihatan dan SSPN tabung pendidikan. Penyerahan sumbangan buku cerita untuk pusat sumber daripada sumbangan PIBG kepada sekolah juga disalurkan untuk menggalakkan budaya membaca



di kalangan anak-anak. Guru besar En Maidan Dali juga mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada ibubapa dan komuniti sekolah yang terlibat kerana sentiasa memberikan komitmen dan kerjasama kepada pihak sekolah untuk pembangunan murid. Mesyuarat PIBG telah diakhiri dengan sesi bergambar ramai-ramai.

---

## Memantapkan Kepimpinan KRS Labuan



**Labuan, 17 Feb 2020** – Seramai 19 peserta menghadiri Perkhemahan Kepimpinan Pelajar Kadet Remaja Sekolah (KRS) dan Pentauliahlan Pangkat Lans Koperal dan Koperal KRS SMK Labuan 2020 pada 14 hingga 16 Februari lalu.

Matlamat program itu ialah untuk memberi peluang kepada kadet dan AJK Tertinggi KRS SMK Labuan untuk memperolehi pengetahuan, pengalaman, kemahiran, kebolehan mengurus dan memimpin.

Pengisian aktiviti sepanjang program ialah penghayatan kurikulum KRS kawad kaki, ikhtiar hidup, penghayatan rohani.

Pada majlis itu, empat orang murid mendapat pentauliah dan menerima pangkat Koperal KRS iaitu Aznil Abdullah, Mohd Khairul Azwan Azman, Nick Zachary Petrus dan Deena Liyana Talip.

Empat lagi murid menerima pangkat Lans Koperal KRS iaitu Siti Nuraliah Zam Zam, Nurul Farhana Bali, Syarikey Benedict dan Nor Akmal Danial Abdul Latif.



Penyampaian sijil tauliah kepada Koperal KRS Aznil bin Abdullah



Penyampaian sijil tauliah kepada Koperal KRS Deena Liyana binti Talip





Encik Cheah dan Encik Mohd Zukifli memakaikan pangkat kepada Koperal KRS Khairul Azwan bin Azman



Lapan orang penerima pentauliahhan pangkat



Lima orang guru terbabit dalam program berkenaan iaitu Kapten KRS Irwan Herman, Leftenan Muda KRS Normazrena Kadam, Pegawai KRS Siti Juhaidah Sani, Pegawai KRS Norazimah. Mereka dibantu oleh enam orang pelajar KRS Tingkatan 6 sebagai fasilitator.

Pentauliahahan pangkat disempurnakan oleh Timbalan Komandan KRS SMK Labuan Mejar KRS Cheah Teong Aik.

Turut hadir Penyelaras Unit Beruniform SMK Labuan Cikgu Mohd Zukifli Ismail.

Sementara itu, Pengetua SMK Labuan Encik Ismail Abdullah berharap AJK KRS yang telah dilantik boleh membantu guru penasihat dengan yakin dalam setiap interaksi perjumpaan kokurikulum.

Manakala penerima pangkat dapat memberi inspirasi kepada ahli lain agar terus aktif dan meningkatkan kemahiran.

“KRS SMK Labuan terus cemerlang dan berupaya membentuk peribadi, ketrampilan dan kepimpinan murid-murid SMK Labuan,” katanya sambil mengucapkan tahniah kepada murid-murid dan guru-guru KRS.

**Berita Oleh : SMK Labuan**

---

**BERSAMA-SAMA MELANGKAH  
LEBIH JAUH : Akauntabiliti  
Terhadap Pendidikan Di**

# Labuan Bersama

# Tanggungjawab



**Labuan 16 Feb 2020** – Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin telah menyampaikan Amanat dan Aspirasi Pendidikan 2020 bertemakan BERSAMA-SAMA MELANGKAH LEBIH JAUH : AKAUNTABILITI TERHADAP PENDIDIKAN DI LABUAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA.

Seramai 500 orang warga pendidikan di Labuan telah menghadiri Majlis tersebut bagi mendengar amanat yang disampaikan oleh Encik Raisin Saidin di Dewan Utama, Sekolah Antarabangsa Labuan, kelmarin.

Encik Raisin Saidin berkata setiap guru perlu membuat refleksi terhadap tugas mereka sebagai seorang pendidik. Natijah yang besar akibat kerja buat seorang guru mampu mengubah tingkah laku seseorang murid di dalam bilik darjah.

*“Roh dan aura seorang guru yang ‘mendarah daging’ hendaklah sampai kepada murid-murid dan sehingga mereka yakni murid dapat merasainya” Encik Raisin Saidin*

Empat pendekatan yang difokuskan oleh Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2020 iaitu akauntabiliti seorang guru terhadap muridnya sesuai dengan slogan ‘guru sayang muridnya’, aura roh guru sentiasa mendarah daging dalam diri guru, guru mengajar murid belajar dan berbuat, meningkatkan kecemerlangan dan kemenjadian murid secara menyeluruh.

Tambahnya lagi setiap ringgit daripada peruntukan kewangan yang diterima daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan dibelanjakan sama ada di peringkat Jabatan mahu pun di sekolah hendaklah memberi pulangan maksimum kepada murid. Dengan kata lain faedahnya hendaklah dipulangkan kepada anak-anak murid.



Ikrar Perkhidmatan Awam oleh warga pendidikan yang hadir





Para Guru Besar dan guru-guru yang hadir mendengar amanat dan aspirasi tahun 2020  
Majlis telah dirasmikan oleh Datuk Rozman Haji Isli, Ahli Parlimen P166 Labuan.

Menurutnya, Jabatan Pendidikan dilihat sebagai prospek terbaik dalam membantu meningkatkan sektor pelancongan di wilayah ini sehingga ke peringkat antarabangsa.

*“Jabatan Pendidikan Labuan menganjurkan seminar, persidangan, lawatan silang budaya, pertandingan sukan serta aktiviti kokurikulum yang dilihat sebagai penyumbang yang membantu perkembangan industri pelancongan di wilayah ini.*

*“Saya berharap pada tahun 2020, pemimpin sekolah akan lebih aktif menganjurkan hubungan permuafakatan di peringkat antarabangsa ke Labuan” . Datuk Rozman Haji Isli.*



Datuk Rozman Haji Isli, Encik Raisin Saidin, Timbalan-timbalan Pengarah bersama Pegawai dan Warga Sekolah di Labuan

Terdahulu, Bual Bicara Profesional membincangkan hala tuju pendidikan di Labuan, mentransformasi sistem penyampaian perkhidmatan pendidikan melalui pemantapan peranan dan fungsi pembangunan dasar, perancangan serta pengoperasian di peringkat Kementerian dan Jabatan Pendidikan.

Ahli panel terdiri daripada Timbalan Pengarah Sektor Perancangan Puan Khaziyati bt Osman, Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran, Encik Yusup bin Mohamad, Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah, Puan Maimoon bt Matnoh, Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid, Tuan Haji Abdul Rahman bin Ahmad, Ketua Penolong Pengarah Sektor Sumber Teknologi Pendidikan, Encik Ag Marten bin Abdul Rahman dan Ketua Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam, Ustaz Mohd Syahir bin Mohd Yusoff.

Moderator bual bicara ini dipengerusikan oleh Pgn. Abd Kadir bin Pgn. Budin.



Moderator dan Panel Bual Bicara Profesional  
Sempena majlis itu juga, Datuk Rozman turut menyampaikan Anugerah Khas Pendidikan kepada tiga individu yang telah banyak membantu dan menyumbang kepada Jabatan Pendidikan Labuan sepanjang tahun 2019.

Tiga individu yang menerima anugerah khas itu ialah ahli korporat, YBhg. Datin Sri Dato' Hajah Norsiah Abdullah, Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru SMK Labuan, Tuan Haji Md.Yusof bin Chuchu dan Guru Besar Tadika Riang Ria, Puan Ong Nyuk Ping.





Datuk Rozman Hj Isli, Encik Raisin Saidin, Timbalan-timbalan Pengarah bersama penerima Anugerah Pendidikan



Sokongan berterusan daripada Komuniti PIBG Sekolah



Gambar Kenangan : Encik Raisin Saidin bersama Timbalan-timbalan Pengarah, Ketua-ketua Penolong Pengarah, YDP MPSM dan Pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan WP Labuan

---

## Murid SK Pekan II raih Anugerah Penerjun Cemerlang Lelaki



Labuan 16 Feb 2020 – Penerjun Sekolah Kebangsaan Pekan II, Wilayah Persekutuan Labuan berjaya membawa pulang

Anugerah Penerjun Cemerlang Lelaki Bawah 12 Tahun di Kejohanan Akuatik Majlis Sukan Sekolah Wilayah Persekutuan Labuan Kali ke-19 2020 yang diadakan di Kolam Renang Labuan International School pada 10-14 Februari lalu.

Murid 5 Bijaksana, Joramli Soni memenangi pingat emas 1 meter Terjun Papan Anjal Kategori Lelaki Bawah 12 Tahun.

Beliau turut meraih pingat perak 3 meter Terjun Papan Anjal Kategori Lelaki Bawah 12 Tahun.

Seorang lagi penerjun SK Pekan II, Mohd Nazmi Abd Majid (2 Intelek) berjaya membawa pulang pingat emas 50 meter Gaya Bebas Kategori Lelaki Bawah 8 Tahun.

Mohd Nazmi turut meraih pingat perak 50 meter Gaya Kupu-Kupu Kategori Lelaki Bawah 8 Tahun.

Kejayaan kedua-dua murid tersebut membolehkan SK Pekan II meraih 2 Emas dan 2 Perak.





Joramli Soni : Anugerah Penerjun Cemerlang Lelaki Bawah 12 Tahun



Mohd Nazmi Abd Majid  
Emas 50m Gaya Bebas Lelaki Bawah 8 Tahun

Majlis perasmian disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin.

Kejohanan Akuatik ini adalah sukan yang diadakan setiap tahun dan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

ialah untuk melahirkan murid cerdas mental dan cergas fizikal.

Antara objektif program tersebut ialah untuk melahirkan bakat-bakat baru yang akan dipilih untuk mewakili sekolah dalam kejohanan akuatik bagi mewakili MSS WP Labuan ke peringkat kebangsaan.

*“Kejohanan Akuatik juga bertujuan untuk membina dan memupuk nilai-nilai disiplin kerjasama, daya saing dan daya juang dalam kalangan murid” Encik Raisin Saidin*

Sebanyak 16 sekolah rendah termasuk LIS telah menghantar penyertaan bagi acara terjun dan renang.

**Berita Oleh : SK Pekan Dua**





Gambar Kenangan : Encik Raisin Saidin bersama Puan Hajah Dayang Damit @ Saidah dan adik Joramli Soni

---

**Membentuk Pemimpin Pelapis**

# Berwibawa SK Sungai Bedaun



**Labuan** – Sekolah kebangsaan Sungai Bedaun Wilayah Persekutuan Labuan telah mengadakan Majlis Penyampaian Watikah Perlantikan Pemimpin Muda baru-baru ini.

Seramai 160 orang murid terlibat pada tersebut iaitu terdiri daripada seramai 55 orang pengawas sekolah, 45 orang pengawas pusat sumber, 24 orang pembimbing rakan sebaya dan 36 orang ketua dan penolong ketua kelas.

Majlis Lafaz Ikrar dan Penyampaian Watikah Pelantikan pemimpin kecil sekolah bagi tahun 2020 ini diadakan di Dewan Permata, SK Sungai Bedaun dengan disempurnakan oleh Guru Besar SK Sungai Bedaun, Puan Dg. Sarifah bt A.Mahmod.

Ketua Pengawas Adik Muhammad Aqil Zafran bin Mohamed Fadli menerima watikah pelantikan daripada Guru Besar, Puan Dg. Sarifah Hj. A.Mahmod yang disaksikan oleh Penolong-Penolong Kanan SKSB.





LAFAZ IKRAR; Majlis Lafaz Ikrar Pelantikan Pemimpin Kecil Sekolah diketuai oleh adik Nur Zur 'Arissya Nabihan Binti Md Zaidi



GAMBAR KENANGAN: Puan Dg sarifah (Duduk di tengah) bersama barisan pentadbir merakamkan kenangan bersama Pengawas Sekolah Guru-guru disiplin sekolah. Pada majlis tersebut turut hadir Penolong Kanan Pentadbiran Pn. Noraliza Allbi Penolong Kanan HEM Pn. Zubaidah Yusof dan Penolong Kanan Kokurikulum En. Mohd. Aozam Abd. Rahim.

Hadir sama Penyelaras Pengawas sekolah yang juga merupakan Guru Disiplin iaitu Us Mohd. Azwan Saad , Pn. Norsidah Matyassin , Guru bimbingan dan Kaunseling dan 42 orang guru.

Dalam ucapannya Guru Besar berkata tujuan majlis ini



diadakan adalah untuk memberi pengiktirafan kepada pemimpin-pemimpin muda yang mana sama-sama bertanggungjawab ,menjaga disiplin dan sahsiah dalam kalangan murid-murid SKSB, selain itu sekolah juga adalah medan untuk melahirkan pemimpin pelapis yang bertanggungjawab dan berwibawa selain amanah dalam melaksanakan tugas-tugas murni yang diberi.

Katanya, antara lain objektifnya adalah untuk melahirkan pemimpin pelapis cilik yang bertanggungjawab terhadap tugas-tugas murni yang diamanahkan, selain meningkatkan tahap motivasi murid-murid yang dipilih untuk melaksanakan tugas dengan baik.



GAMBAR KENANGAN: Puan Dg Sarifah (Duduk di tengah) Bersama barisan pentadbir merakamkan kenangan bersama Pengawas Pusat Sumber dan Cikgu Nadiah selaku Penyelaras Pusat Sumber S.K.Sungai Bedaun bagi tahun 2020.



Pembimbing Rakan Sebaya bergambar kenangan bersama guru Besar , barisan pentadbir dan Pn. Norsidah , Guru Bimbingan dan Kaunseling S.K.Sungai Bedaun bagi tahun 2020.

Antara tugas tugas pemimpin muda ini adalah membantu melicinkan lagi operasi pemantauan disiplin sekolah, kebersihan kantin dan keceriaan sekolah dan menjadi pembimbing rakan sebaya sekolah.

Selain itu, mereka juga akan melaksanakan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan kepelbagaian bidang tugas pengawas yang telah diamanahkan kepada mereka dan menjalankan aktiviti dalam memberi khidmat bantuan kepada rakan mereka dalam setiap program yang dijalankan.

Terdahulu dalam ucapannya, Puan Dg. Sarifah mengucapkan terima kasih kepada guru-guru pembimbing kerana berjaya membentuk kredibiliti pemimpin muda ini.

*“Syabas dan Tahniah kepada semua Pengawas yang menerima watikah pelantikan serta menyeru supaya pengawas menjadi contoh disiplin yang terbaik kepada murid-murid yang lain,” katanya*



Puan Dg Sarifah (duduk tengah) bergambar bersama ketua kelas dan penolong ketua kelas dan penyelaras , Us Mohd. Azwan (duduk paling kiri) serta penolong-penolong kanan Pada majlis tersebut, Ketua Pengawas Pusat Sumber ialah adik Nur Zur 'Arissya Nabihan Binti Md Zaidi. Adik Nur Qaisara Najwa Binti Johari telah dilantik sebagai ketua Pembimbing Rakan Sebaya dan wakil ketua tertinggi bagi ketua kelas dan penolong ketua kelas ialah adik Muhammad Syaffiq Bin Muhammad Sidik.

Majlis Lafaz Ikrar dan Penyampaian Watikah pemimpin kecil sekolah ini dikelolakan oleh Unit Hal Ehwal Murid ( Badan Pengawas dan Disiplin Sekolah serta Unit Bimbingan & Kaunseling ).

**Berita Oleh : SK Sungai Bedaun**





Puan Dg. Sarifah menyampaikan watiwah Pelantikan Pengawas Sekolah kepada wakil pengawas merangkap Ketua Pengawas Sekolah, adik Muhammad Aqil Zafran



Pn.Dg.Sarifah menyampaikan watiwah Pelantikan Pembimbing Rakan Sebaya kepada wakil PRS merangkap Ketua PRS Sekolah, adik Nur Qaisara Najwa

---

# Program Jambatan Kasih 2020



Labuan, 15 Februari- Sekolah Kebangsaan Pekan Satu (SKPS) Wilayah

Persekutuan Labuan sekali lagi telah menerima rombongan lawatan dari pelajar Kolej

Matrikulasi Labuan (KML). Rombongan seramai 26 orang pelajar dan diketuai oleh pengarah

program iaitu Cik Harriet Willabelle Anak Wesley dan Pensyarah Kokurikulum KML

selaku penyelarass Program Jambatan Kasih KML Encik Zamri bin Palen. Program ini

bermula dari jam 7 pagi hingga 1.15 petang.

Menurut Cik Harriet, program ini merupakan lawatan bersifat muhibah untuk memupuk semangat dan cara mengawal stres

murid-murid semasa menimba ilmu dan pada yang sama mampu membentuk sahsiah diri

ke arah yang lebih baik. "Program ini juga adalah projek akhir pelajar KML sesi 2019-2020 bagi Kelas



Tutoran DP3 T14” tambah beliau lagi.

Ketibaan rombongan ini disambut meriah oleh Guru Besar SKPS, Anita Shyamini A/P S. Azman. Turut hadir PK HEM SKPS Puan Normah binti Rahimi, PK Kokurikulum SKPS Encik Esmat bin Amat dan 10 orang guru tanda memberi semangat yang tidak terhingga kepada rombongan pelawat.

Di samping itu, pelajar KML bukan sahaja berkesempatan beramah mesra dengan murid-murid SK Pekan Satu malah menyajikan motivasi kepada 120 murid-murid tahun 5 yang diadakan di SK Pekan Satu. Program Jambatan Kasih ini dapat membantu percambahan dan kolaborasi ilmu pengetahuan dalam kalangan murid-murid serta pelajar KML khususnya yang berteraskan kepada pengajaran dan pembelajaran.



Murid-murid berani mempersembahkan hasil kerja kumpulan di hadapan peserta yang lain.

Puan Anita Shyamini berharap agar Program Jambatan Kasih seperti ini dapat memupuk ikatan silaturrahim yang akan terus terjalin dan berkesinambungan sebagai salah satu wadah kemenjadian murid pada



masa hadapan sesuai dengan kelestarian akademik yang lebih berkualiti. Beliau juga berharap agar program ini sebagai batu loncatan kepada murid-murid untuk memberikan kesedaran bahawa kecemerlangan dalam hidup dapat menjamin kelangsungan hidup.

Akhir sekali, penyelaras program Puan Sanisah Zulkifle mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak KML kerana sudi menjadikan SKPS sebagai destinasi Program Jambatan Kasih 2020. “Kami sebagai guru juga mengharapkan murid-murid lebih berdaya saing dalam menuntut ilmu dengan adanya program sebegini” tambah beliau lagi.



Cik Harriet (2 kanan) menyampaikan cenderahti kepada Puan Anita (2 kiri) sambil diperhatikan oleh Puan Normah

(kiri) dan Encik Wilbryan (kanan).